Berdasarkan bahan di atas, isikan tempat kosong dengan jawapan yang.

Standard Pembelajaran
5.1.3 Mengaplikasi bentuk kata ganda dan akronim dalam pelbagai laras bahasa dengan betul mengikut konteks.

KATA GANDA

PETA POKOK

Kata ganda bermaksud proses pengulangan kata secara keseluruhan atau bahagian-bahagian tertentu.

Kata Ganda Seluruh pengulangan semua kata dasar tanpa perubahan	**Kata Ganda Separa** Pengulangan suku kata pertama pada kata dasar	**Kata Ganda Berentak** pengulangan mengikut rentak bunyi	**Kata Ganda Berimbuhan** kata ganda yang menerima imbuhan
meja-meja, maklumat-maklumat, kuda-kuda, undang-undang, anai-anai, henti-henti, masak-masak, bulat-bulat, tinggi-tinggi	*lelayang, kekuda, gegendang, sesiku, bebola, jejari, lelangit, jejarum, lelabah, jejentik, dedaun, kekabu, lelaki, kekura*	*batu-batan, kuih-muih, gotong-royong, , mundar-mandir, lalu-lalang, porak-peranda kusut-masai, kucar-kacir, semak-samun*	*terikut-ikut, berjam-jam, berkejar-kejaran, kemerah-merahan, turun-temurun, wangi-wangian, tumbuh-tumbuhan*

Berdasarkan bahan di atas, isikan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

Wartawan ialah orang yang tugasnya mengumpulkan (1)_____, memprosesnya dan menyampaikannya dengan betul. Seorang wartawan mestilah berpengetahuan. Wartawan boleh terdiri daripada (2)_____ dan perempuan. Wartawan dikelaskan mengikut bidang seperti sukan, budaya, politik dan ekonomi, juga mengikut genre seperti publisiti, esei dan kolumnis.

Wartawan yang baik mestilah menyalin maklumat yang disampaikan secara (3)_____ tanpa mengubahnya bagi mengelakkan salah faham dan kontroversi. Contohnya, berita tentang rumah tangga artis yang (4)_____perlu diolah dengan tepat sebelum sampai ke (5)_____ telinga pendengar. Hal ini bagi mengelakkan mereka dikenakan tindakan (6)_____. Sebelum memilih kerjaya ini, anda perlu memikirkannya secara (7)_____kerana perlu bekerja selama (8)_____. Anda juga mungkin perlu menggadai nyawa di kawasan yang (9)_____ seperti perang dan rusuhan.

Kini, ramai orang boleh menjadikan profesion wartawan melalui penulisan di alam maya. Kebanyakannya (10) _____ untuk menjadi portal pertama yang mengeluarkan berita yang hangat. Namun ~~begitu, etika kewartawanan perl~~ulah dipatuhi. Meskipun begitu, wartawan yang baik hendaklah mempunyai minat yang mendalam dan bakat menulis juga mempunyai ijazah kewartawanan atau mendapat bimbingan yang khusus.

KATA AKRONIM

PETA POKOK

Kata akronim ialah perkataan yang dihasilkan melalui percantuman bahagian tertentu daripada serangkaian perkataan.

Percantuman huruf awal	**Percantuman huruf dan suku kata sesedap bunyi**	**Cantuman suku kata pertama dengan bahagian lain**	**Percantuman suku kata awal**
ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) *ADUN* (Ahli Dewan Undangan Negeri) *UPSI* (Universiti Pendidikan Sultan Idris)	***MARA*** (Majlis Amanah Rakyat) *BERNAMA* (Berita Nasional Malaysia) *JAKIM* (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) ***PROTON*** (Perusahaan Otomobil Nasional)	*halaju* (hala laju) *jenama* (jenis nama) *jalurah* (jalan lurah) *jentolak* (jentera tolak)	*cerpen* (cerita pendek) *kugiran* (kumpulan gitar rancak) *pawagam* (panggung wayang gambar) *tadika* (taman didikan kanak-kanak) *purata* (pukul rata)

Berdasarkan bahan di atas, isikan tempat kosong dengan jawapan yang.

Encik Fakrul yang merupakan seorang lulusan dari (1)_____telah menceburi bidang makanan tradisional di Kunak, Sabah. Dia telah membuat pinjaman daripada (2)_____ untuk menubuhkan kilang memproses makanan tradisional seperti kerepek dan kuih-muih tradisional di bawah nama Kunyah-kunyah Entreprises. Pada hujung minggu, beliau akan mengangkut ubi, keladi dan pisang daripada kebun yang berhampiran menggunakan kereta (3)_____.

Dia sering memperkenalkan (4)_____produknya pada karnival makanan yang dianjurkan kerajaan saban tahun. Produknya telah diiktiraf oleh (5)_____melalui pensijilan halal sekali gus membuka pasaran yang luas di serata dunia. Pada bulan hadapan, produknya akan menjadi pilihan beberapa (6)_____di seluruh negara sebagai snek ketika menonton filem.

Secara (7)_____, keuntungan yang diperoleh syarikatnya setiap bulan ialah RM100,000. Dengan simpanan yang stabil, beliau telah membeli sebuah tanah di daerah itu. Tanah tersebut yang kini diratakan oleh (8)_____ akan dibina sebuah (9)_____ _____ untuk kemudahan kanak-kanak di kampungnya. Baru-baru ini, seorang wartawan daripada (10)_____telah menemu bualnya bagi memuatkan kisah kejayaan beliau yang berjaya menempuh cabaran dalam dunia perniagaan.

LATIHAN

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **dua kata ganda** dan **dua kata akronim**. *Kemudian bina* **satu ayat anda sendiri** *daripada setiap kata tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Pengeluar kereta nasional PROTON merekodkan jualan bulanan tertinggi dalam tempoh lapan tahun apabila menjual 13,216 unit kenderaan pada Julai. Empat model syarikat ini berjaya mendahului jenama lain dalam segmen masing-masing dengan Proton Saga sekali lagi mencatatkan jualan tertinggi dan menjadi pilihan utama dalam pasaran dua tahun berturut-turut. PROTON akan terus berusaha memberikan tawaran menarik kepada pasaran dan memperkenalkan model-model baharu pada akhir tahun ini. Bahagian pengeluaran, kualiti dan jualan bersungguh-sungguh dengan mengiklankannya di media cetak dan media elektronik, termasuklah di pawagam.

Dipetik dan diubah suai
daripada 'PROTON catat jualan tertinggi dalam lapan tahun'
oleh Mohd Zaky Zainuddin,
Berita Harian Online, 4 Ogos 2020

[8 *markah*]

_____

(a)
(b)

KATA GANDA

_____

(a)
(b)

PETA POKOK

(a) _____
_____

(b) _____
_____

_____

(a) _____
_____

(b) _____
_____

Berdasarkan bahan di atas, isikan tempat kosong dengan jawapan yang.